



MAJLIS DAERAH PENDANG PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN SUSUNATUR (KEBENARAN MERANCANG)

<p>1. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Senarai semakan Kebenaran Merancang• Borang A Kaedah 8 Seksyen 21 (6) Akta 172 (1976) yang lengkap termasuk maklumat berkaitan lot-lot berjiran.• 2 Salinan Surat Perlantikan Perunding• 2 Salinan Ahli Korporat/badan profesional dan resit bayaran yuran keahlian terkini.• 2 Salinan Carian Rasmi (6 bulan terdahulu)• 2 Salinan Resit Cukai Tanah Terkini• 4 Salinan Geran Hak Milik Tanah• 2 Salinan PA (surat kuasa wakil) jika bukan tuan tanah• 20 salinan Pelan Susunatur/Tataletak• 9 Salinan LCP (jika melebihi 5 ekar, bagi tujuan bangunan sesebuah (Free Standing Building), pemajuan infrastruktur dan kemudahan awam, industri dan pemajuan khas)-• Perincian Rujuk lampiran 1.• 6 salinan Pelan Jalan Dan Parit serta 6 kiraan hidrolik• 4 salinan pelan ukur asas oleh jurukur bertauliah• 2 salinan Perakuan kebenaran laluan (jika melibatkan lot jiran)• Profail Syarikat (jika pemohon kali pertama)• Laporan EIA (jika melebihi 50 ekar)• Bayaran proses pelan <p>2. JABATAN YANG PERLU DIRUJUK</p> <ul style="list-style-type: none">• Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD)• Pejabat Tanah Daerah Pendang (PTD)• Jabatan Kerja Raya Daerah Pendang/Yan (JKR)• Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)• Pejabat Kesihatan Daerah Pendang (PKP)• Tenaga Nasional Berhad (TNB)• Indah Water Konsortium (IWK)• Jabatan Bekalan Air Kedah Utara (JBA)• Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)• Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS)• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) <p>3. KETERANGAN PELAN</p> <p>a. Pelan Susunatur</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelan Lokasi dan Pelan Tapak Skala 1:16 rantai, 1: 8 rantai atau 1: 4 rantai (1: 12800, 1: 6400 atau 1 : 3200)• Pelan Susunatur Skala 1: 1 rantai, 1: 2 rantai atau 1: 4 rantai (1: 1000, 1: 1500 atau 1: 3000)• Semua lukisan hendaklah diwarnakan dengan lengkap• Menunjukkan arah aliran buangan terakhir (final discharge) <p>b. Pelan Cadangan Jalan Dan Perparitan Utama</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelan tersebut perlulah menunjukkan takat buangan terakhir kedudukan jalan keluar/masuk utama dan saiz parit utama• Ukuran pelan mestilah selaras dengan pelan susunatur dan pelan kontur• Kiraan hidrolik untuk cadangan sistem pamaritan utama hendaklah dimasukkan dengan jumlah yang sama dan mengambilkira kawasan tadahan sekitar dan dihulu kawasan projek• Bagi simpanan jalan utama 66', 100' dan 132' lebar maksimum parit tepi jalan ialah 3'. Sekiranya keperluan parit melebihi 4', suatu simpanan parit hendaklah disediakan secara berasingan di antara jalan susur dan jalan utama• Cadangan sistem jalan dan pamaritan utama ini boleh juga ditunjukkan di dalam pelan susunatur yang dikemukakan. <p>c. Pelan Perincian Titik Aras Kontur</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelan ini mestilah sedia dan disahkan oleh Jurukur berdaftar• Ukuran pelan mestilah selaras dengan pelan susunatur• Sifat-sifat penting sediada seperti bangunan, jalan, parit, anak sungai, rentis TNB, paip air, tanaman, paya dan lain-lain di bawah atau di atas tanah• Batu-batu sempadan dan garisanaya• Bagi tapak yang bersempadan dengan sungai atau rentasi jaringan sungai, pelan jajaran sungai perlu disediakan oleh Jurukur Berdaftar	<p>4. TAJUK PELAN Tajuk Pelan hendaklah Mengandungi Perkara Berikut dan ditulis seperti:- Pemohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan</p> <ul style="list-style-type: none">• Jenis pemajuan/pembangunan yang dicadangkan• Jumlah unit mengikut jenis yang dicadangkan• Jumlah Tingkat Bangunan terutama bagi bangunan Sesebuah (free Standing Building)• No. lot, mukim, nama pemilik dan syarikat <p>5. ORANG YANG BERKELAYAKAN MENGEMUKAKAN PELAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Jururancang Bandar, Arkitek bertauliah untuk pelan susunatur• Jurutera bertauliah untuk cadangan pelan jalan dan perparitan utama serta kiraan hidrolik• Jurukur Berdaftar untuk pelan pecah sempadan, ubah syarat dan pelan perincian titik asas kontur• Pelan hendaklah dicop asal oleh perunding bertauliah• Mengemukakan salinan Ahli Korporat/Profesional dan resit bayaran yuran keahlian badan profesional terkini. <p>6. KEPERLUAN AM PERANCANGAN BANDAR</p> <ul style="list-style-type: none">• Menunjukkan plot ratio• Menunjukkan perkiraan tempat letak kenderaan kereta, motosikal dan lain-lain lagi bagi bangunan kompleks perniagaan, hotel, pusat rekreasi, pangsapuri, perusahaan, insitisi atau umpamanya.• Menyediakan anjakan bangunan yang ditetapkan oleh Majlis• Jadual gunatanah pembangunan yang menunjukkan jumlah unit mengikut jenis bangunan yang dicadangkan dan keluasan (ekar/hektar) bagi setiap gunatanah/lot pembangunan• Menunjukkan tapak-tapak kemudahan awam yang perlu diserahkan kepada Kerajaan seperti kawasan lapang, kolam oksidasi, tapak surau, tapak dewan, tapak tadika, tapak gerai, stesen bas, stesen teksi, kolam tadahan air, tempat letak kereta atau seumpamanya seperti yang disyaratkan oleh Majlis. <p>7. KEPERLUAN AM</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua pelan hendaklah ditandatangani oleh Perunding (cop asal badan profesional) yang mengandungi nama, alamat dan no. pendaftaran syarikat serta no. telefon.• Semua pelan hendaklah ditandatangani oleh Pemaju/Tuan Tanah yang mengandungi nama, alamat dan no. pendaftaran syarikat, no. kad pengenalan serta no. telefon.• Warna pelan hendaklah menggunakan warna air (planning colour) atau yang dicetak dengan pencetak• Semua pelan hendaklah dilipat dengan ukuran A4• Bil bayaran memproses pelan akan dihantar kepada pemilik bangunan• Menunjukkan dengan jelas alamat dan no telefon dan no. kad pengenalan pemilik bangunan• Semua pelan hendaklah disediakan dalam bentuk digital• Mengemukakan 1 salinan cd yang mengandungi semua pelan dalam format autocad dan jpeg. <p>PERKARA PENTING</p> <ul style="list-style-type: none">• Permohonan pelan susunatur hendaklah disertakan bersama Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang sedia dan disahkan oleh Jururancang Bandar Bersekutu sahaja.• Pemohon juga perlu mengemukakan 15 salinan Laporan Penilaian Alam Sekitar yang disediakan oleh Perunding Berdaftar kepada Jabatan Alam Sekitar bagi projek pembangunan yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti yang ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974• Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:- <p style="text-align: center;">SEKSYEN PUSAT SETEMPAT (OSC) BAHAGIAN PERANCANGAN MAJLIS DAERAH PENDANG 06700 PENDANG KEDAH DARUL AMAN</p> <p>PERINGATAN <i>Kerja-kerja tapak/pembinaan tidak boleh dimulakan sebelum Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan Jalan/Parit dan Pelan Kerja Tanah diluluskan oleh pihak Majlis Daerah Pendang. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh mengakibatkan bayaran tambahan/denda sebanyak 10 kali ganda bayaran pelan dikenakan ke atas pemilik bangunan berkenaan dan tidak dikecualikan daripada dikenakan tindakan undang-undang.</i></p>
---	---